

Siri 5 Tazkirah Ramadhan 1432H DUPNT

Badar al-Kubra Dan Pembukaan Mekah:

Umat Islam Tetap Menang

Oleh: Ustaz Nik Muhammad Nasri

Di antara 2 peristiwa penting berlaku dalam sirah Nabi SAW di bulan Ramadhan adalah Perang Badar al-Kubra dan Pembukaan Mekah.

Perang Badar al-Kubra berlaku asalnya bukanlah kerana maksud perang. Nabi SAW mahu menghalang kafilah dagang Abu Sufyan dari Syam ke Mekah. Nabi SAW sendiri tidak mewajibkan para Sahabat keluar. Persediaan senjata dan bilangan pun tidak banyak. Namun Allah menaqdirkan yang lain dari itu. Abu Sufyan yang mengetahui Nabi SAW keluar mahu menyekat barang dagangannya melencong melalui jalan lain hingga mereka dapat kembali ke Mekah. Abu Jahal pula menyiapkan bala tentera musyrikin Mekah dengan kelengkapan yang cukup.

Pertembungan di Badar tetap berlaku. Bilangan tidak seimbang. Senjata tentera Islam kurang dan tidak lengkap. Namun Allah telah membantu Nabi SAW dengan bala tentera yang pelbagai. Di antaranya hujan yang menyebabkan tanah memudahkan tentera Islam bergerak dan tentera musyrikin sukar, hujan yang menghilangkan was-was syaitan dan menyegarkan, mengantuknya tentera Islam yang menghilangkan kebimbangan, ketakutan di pihak musuh akibat bilangan tentera yang digambarkan sedikitnya musuh dan Malaikat yang begitu ramai turun menyertai peperangan diketuai Jibril as. Tempat matinya pemimpin-pemimpin Quraisy juga telah ditunjuk oleh Nabi kepada Sahabat. Ya, benar! Kemenangan tetap berpihak kepada Nabi SAW dan tentera Islam walaupun dari segi zahir dan awalnya kelihatan agak sukar umat Islam menang. Hebatnya perang Badar ini sehingga Allah mengabadikan kisah ini dalam al-Quran.

Pembukaan Mekah pula berlaku selepas 8 tahun Nabi SAW meninggalkan Mekah. Mekah sebagai tempat kelahiran Nabi, tempat bermain ketika kecil, tempat awal turun wahyu, tempat terdapatnya Kaabah yang dibina Nabi Ibrahim dan tempat keluarganya ramai di situ. Allah menentukan bahawa Islam yang didaulatkan dalam bentuk sistem pemerintahan negara bukannya Mekah tetapi negeri lain di sekitarnya. Demi Islam, Nabi melakukannya.

Sekali lagi Allah menaqdirkan yang terbaik buat Baginda SAW. Nabi kembali ke negeri tanah tumpahnya. Kali ini bukan seperti Perang Badar. Masuk ke Mekah kali ini selepas Perjanjian Hudaibiyah yang dimeteraikan sebelumnya menyaksikan seakan-akan Nabi berkompromi dan menyerahkan prinsip dalam perjuangan, sehinggakan Saidina Umar pada awalnya kurang bersetuju dengan perjanjian itu. Namun, hikmah di sebalik perjanjian Hudaibiyah rupanya mengambil sedikit masa untuk difahami oleh sebahagian para Sahabat radhiAllahuantum itu.

Nabi SAW masuk ke Mekah dalam keadaan tawadhuk dan menundukkan kepalanya hingga hampir mencecah tempat duduk tunggangannya. Tawadhuk dan tunduk yang bukan berpura-pura, tetapi tawadhuk dan tunduk yang datang dari dalam hati dan peribadi sebenar Nabi SAW. Baginda faham benar kuasa dan pemerintahan sebenar adalah milik Allah. Manusia hanya menjadi khalifah Allah di bumi bagi memakmurkannya dengan peraturan dan sistem Allah.

Penguasaan Mekah dengan cara cukup aman dan bermaruah tidak menjadikan Nabi SAW sombong dan lupa diri. Baginda bersedia memaafkan mereka yang pernah memerangi, memusuhi dan cuba membunuhnya suatu masa dahulu. Jiwa besar Nabi mengatasi keegoan yang biasanya wujud dalam diri penguasa-penguasa yang lupa daratan. Ramadhan bukan sahaja relevan dengan puasa tetapi juga kemenangan berjihad umat Islam.

Terbitan: Lajnah Penerbitan & Penyelidikan Dewan Ulama PAS Negeri Terengganu 18 Ramadhan 1432H